



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 12/ 2023 (Disember Tahun 2023)

تاریخ	تاجوق	ب
<b>1 Disember 2023M/ 18 Jamadil Awwal 1445H</b>	<b>Pembangunan Lestari, Nikmatnya Disyukuri</b>	1.
<b>8 Disember 2023M/ 25 Jamadil Awwal 1445H</b>	<b>Tunaikanlah Zakatmu</b>	2.
<b>15 Disember 2023M/ 2 Jamadil Akhir 1445H</b>	<b>Menginsafi Hikmah Musibah</b>	3.
<b>22 Disember 2023M/ 9 Jamadil Akhir 1445H</b>	<b>Siapa Lelaki Sejati</b>	4.
<b>29 Disember 2023M/ 16 Jamadil Akhir 1445H</b>	<b>Sediakan Payung Sebelum Hujan</b>	5.
<b>Khutbah Kedua</b>		

دبياءي:



رَكَّةٌ فُلُوْلٌ وَفِينُغٌ

دربیتکن:



جابتَنْ حَال إِحْوَالِ أَكْمَمْ اسْلَامْ فُلُوْلٌ وَفِينُغٌ



---

## **Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang**

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Y.Bhg Dato' Rosli bin Othman**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 3. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## Tunaikanlah Zakatmu

8 Disember 2023M / 25 Jamadil Awal 1445H

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَيْتُهُمْ أَلَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيُظْرَقُونَ مَا بَخْلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ إِنَّمَا تَعْمَلُونَ

خَيْرٌ ﴿١٦﴾ (سورة آل عمران)

وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَاتَّبَاعِهِ وَأَنْصَارِهِ.  
آمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH**, سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Marilah bersama-sama kita memperbanyakkan ingatan kepada Allah, kerana dengan banyak mengingati Allah, hati dan akal kita akan menjadi lapang dan tenang. Laksanakan segala suruhan-Nya dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, dengan segala rezeki dan kenikmatan yang kita kecapi pada hari ini, kita bergelar muzakki (مُرَزِّقٌ) ataupun pembayar zakat.



Astab dari pemberian zakat yang kita laksanakan, mudah-mudahan bagaikan baja dan siraman air yang menyuburkan lagi rezeki yang kita perolehi. Dengan zakat juga kita berkongsi kasih terhadap mereka yang memerlukan, dan merasai denyut nadi asnaf yang bakal memperoleh manfaat daripada pembayaran zakat hasil daripada pendapatan yang kita nikmati. Marilah sama-sama kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "**Tunaikanlah Zakatmu.**"

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,**

Tanpa kita sedar, sudah lebih 3 dekad Zakat Pulau Pinang ditubuhkan. Pada 26 April 2012, telah berlaku proses penjenamaan semula nama dan logo Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada nama korporat yang baharu iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP). Sejak dari itu, ZPP terus mengorak langkah sebagai sebuah institusi yang bergiat aktif dalam operasi kutipan dan agihan zakat yang cemerlang di negeri ini.

Buktinya, kini Zakat Pulau Pinang telah menguruskan jumlah kutipan sebanyak 150 juta dan jumlah agihan yang telah direkodkan sebanyak 155 juta pada tahun 2022.

Melalui hasil kutipan zakat yang diperolehi, dapat membantu para asnaf yang memerlukan terutamanya asnaf fakir dan miskin di samping asnaf-asnaf yang lain. Malah, hasil kutipan zakat yang diperolehi juga bukan sahaja dapat membantu asnaf bagi meneruskan kehidupan, namun dengan pelbagai bentuk dan produk bantuan agihan yang ditawarkan kepada para asnaf dapat juga membantu mereka keluar daripada kepompong



kemiskinan. Akhirnya status mereka berubah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam ayat yang dibacakan oleh khatib di permulaan khutbah sebentar tadi daripada surah Ali Imran ayat 180 yang bermaksud:

*“Dan janganlah sekali-kali orang yang bakhil dengan apa yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahan-Nya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikeluarkan dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala waris-Nya (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”*

Professor Doktor Wahbah Az-Zuhaili menyatakan ayat ini membawa pengertian janganlah sekali-kali orang yang bakhil dengan apa yang Allah telah berikan kepada mereka, terutamanya bagi menunaikan ibadah zakat. Oleh itu, ternyata bahawa zakat merupakan ibadah maliah (مالیةٌ) yang menterjemahkan keimanan sebenar seseorang hamba kepada Tuhan.

### **SIDANG JUMAAT PARA TETAMU ALLAH,**

Melalui ibadah zakat juga, seseorang muslim akan dapat membersihkan dirinya daripada dosa yang mungkin terjadi ketika memperolehi harta tersebut. Malah, amalan zakat juga akan melatih



seseorang mukmin untuk bersifat pemurah dan menjauhi sifat-sifat mazmumah seperti bakhil dan kedekut.

Berdasarkan pengamalan ramai dalam kalangan pembayar zakat, pendapatan dan rezeki yang diperolehi selepas mereka menunaikan zakat adalah semakin bertambah malah lebih berganda dari sebelumnya. Perkara ini jelas bertepatan dengan janji baginda ﷺ dalam sebuah hadis Riwayat Muslim;

مَا نَقْصَתْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ

Maksudnya: “Zakat itu tidak mengurangi harta.”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Timbul persoalan, adakah kita perlu membayar zakat di tempat kita mencari rezeki atau boleh sahaja kita membayar di mana-mana tempat sekalipun? Bagi menjawab persoalan ini khatib ingin memberi beberapa panduan sebagai pencerahan terhadap perkara ini.

Terdapat sebuah hadis Riwayat At-Tirmizi, daripada ‘Aun bin Abi Juhaifah daripada bapanya bahawa dia berkata:

قَدِمَ عَلَيْنَا مُصَدِّقُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخَذَ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْنِيَائِنَا فَجَعَلَهَا فِي فُقَرَائِنَا

Maksudnya: “Telah datang wakil Rasulullah untuk mengutip zakat dalam kalangan kami, maka dia mengambil zakat daripada kalangan kami yang



*kaya dan membahagikan zakat itu kepada orang miskin dalam kalangan kami.”*

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah kita fahami bahawa keutamaan membayar zakat adalah di negeri atau tempat harta-harta itu diperolehi.

Selain itu, tugas menguruskan pembahagian harta zakat tersebut hendaklah dilakukan oleh wakil yang telah diiktiraf oleh kerajaan (Ulil Amri), iaitu institusi zakat yang telah diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri kepada asnaf yang berkelayakan.

Oleh itu, penentuan bagi menyalurkan harta-harta zakat kepada kawasan lain wajar ditetapkan dan diamanahkan oleh Ulil Amri atau pemimpin di setiap negeri yang lebih mengetahui hal ehwal asnaf setempat.

Perkara ini juga tercatat dalam sebuah hadis Riwayat Al-Bukhari, daripada Ibnu Abbas رضي الله عنه، bahawa tatkala Rasulullah ﷺ mengutuskan Muaz bin Jabal kepada penduduk Yaman, Baginda berpesan, antara lainnya:

فَأَعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرْدَدُ عَلَى فَقَرَائِهِمْ

Maksudnya: “Maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka sedekah (zakat) terhadap harta-harta mereka, diambil daripada orang kaya dalam kalangan mereka dan dikembalikan kepada orang fakir dalam kalangan mereka.”



Oleh itu, isu fokus yang ditimbulkan berkaitan permasalahan ini adalah bukan pada sah atau tidak zakat tersebut tetapi pada keutamaan membayar zakat di kawasan setempat yang kita mencari rezeki dan tinggal di tempat tersebut. Sehubungan itu Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2022 yang telah bersidang pada 3 dan 4 Ogos 2022 memutuskan seperti berikut:

1. Daripada segi siasah dan maslahah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut.
2. Walaupun daripada segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.
3. Mana-mana orang Islam di Pulau Pinang yang melanggar fatwa ini boleh diambil tindakan di bawah kesalahan Seksyen 16 (Tidak membayar zakat atau fitrah) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

Selain itu dengan membayar zakat di tempat kita mencari rezeki, lebih meyakinkan kita bahawa zakat itu sampai kepada penerima yang betul dan layak. Ini adalah kerana kita sendiri dapat membantu mereka yang memerlukan dalam kalangan asnaf serta dapat melihat sendiri penderitaan mereka terutamanya di bandar-bandar besar.



## SIDANG PENDENGAR YANG DIMULIAKAN,

Walaupun kempen kesedaran untuk membayar zakat telah banyak dilaksanakan oleh pihak yang bertanggung, namun realitinya masih terdapat ramai dalam kalangan masyarakat yang berkemampuan untuk menunaikan kewajipannya, tidak mahu menunaikan kewajipan. Bagi mereka yang enggan mengeluarkan zakat kerana bakhil dan kedekut sedangkan mereka mengetahui kewajipannya, maka mereka tergolong dalam kalangan orang yang fasik, berdosa dan akan mendapat azab seksa di akhirat kelak. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah at-Taubah ayat 34 hingga 35 yang bermaksud:

*“Wahai orang yang beriman, sesungguhnya antara para pendeta dan ahli agama (Yahudi dan Nasrani) itu banyak yang memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalang manusia daripada jalan Allah (agama Islam)! Dan ingatlah orang yang menyimpan emas dan perak tetapi tidak membelanjakannya di jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka bahawa mereka akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

*“laitu pada hari ketika emas dan perak (serta harta benda) itu dibakar di dalam neraka Jahannam, lalu dengan itu diselarkan ke dahi, rusuk dan belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka), “Inilah apa-apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, maka rasalah (azab seksa) daripada apa-apa yang kamu simpan itu.”*

Melalui ayat-ayat ini, Allah memberikan amaran kepada mereka yang menyimpan harta mereka dan enggan menunaikan zakat, maka azab yang



pedih lagi menyiksakan menanti mereka. Begitu juga dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Nabi ﷺ bersabda:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ، مُثْلَ لَهُ مَا لَهُ شُجَاعًا أَقْرَعَ، لَهُ زَيْتَانٍ يُطَوَّقُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَأْخُذُ بِلِهْزِمَتِيهِ يَعْنِي بِشِدْقِيهِ، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا مَالُكَ أَنَا كَنْزُكَ

Maksudnya: “Sesiapa yang dikurniakan oleh Allah harta dan tidak mengeluarkan zakatnya, maka hartanya pada hari kiamat dijadikan seekor ular yang mempunyai dua taring, dan kepala yang tidak berbulu kerana terlalu banyak bisanya. Ia akan membelit dan menggigitnya dengan kedua-dua rahangnya sambil berkata: Akulah hartamu! Akulah simpananmu.”

Oleh yang demikian, wajib bagi mereka yang memiliki harta, apabila cukup haul dan nisabnya untuk menunaikan kewajipan membayar zakat kepada institusi yang diiktiraf seperti Zakat Pulau Pinang agar memperoleh keberkatan hidup di dunia, dan terselamat daripada seksa di akhirat.

## SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH,

Bertepatan dengan moto Zakat Pulau Pinang iaitu **“Amanah Umat Dijaga, Hak Asnaf Dibela,”** Zakat Pulau Pinang sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya buat para asnaf agar suatu hari nanti mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan seterusnya menjadi pembayar zakat.



Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua masyarakat terutamanya mereka yang dikurniakan lebihan rezeki oleh Allah bagi menunaikan kewajipan berzakat di tempat kita mencari rezeki.

Khatib juga ingin mengambil kesempatan untuk menasihatkan, elakkan melakukan penularan berita palsu khususnya yang berkaitan dengan Institusi Zakat yang secara tidak langsung akan menyebabkan pandangan serong terhadap ibadah yang mulia ini. Rujuklah kepada pihak yang berautoriti terutamanya pihak Zakat Pulau Pinang sekiranya terdapat sebarang persoalan dan isu berkaitan kutipan dan agihan zakat. Janganlah hanya mempercayai kisah-kisah yang tular terutamanya di media-media sosial.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIBERKATI ALLAH,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dirumuskan beberapa panduan yang perlu diamalkan oleh kita bersama seperti berikut:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah menunaikan ibadah zakat apabila cukup haul dan nisab terhadap sesuatu harta yang diperolehi.

**Kedua:** Keutamaan membayar zakat adalah di tempat kita mencari rezeki.

**Ketiga:** Pengurusan zakat yang adil, professional dan sistematik akan memberikan manfaat kepada penerima zakat sekaligus meningkatkan kepercayaan masyarakat untuk membayar zakat kepada pihak yang diberi tanggungjawab untuk menguruskannya seperti Zakat Pulau Pinang.



Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah at-Taubah ayat 103;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَثُرِّكِيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ

١٠٣  
عَلِيهِمْ

Maksudnya: “Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka supaya kamu dapat membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk). Berdoalah untuk mereka kerana sesungguhnya doa kamu itu (boleh) menenteramkan jiwa mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَأَيَّا كُمْ يَهْدِي سَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan Disember

2023M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِلَهِ وَاحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًّا إِلَى رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ حَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَاتِهِ وَمَرْضَاتِهِ،  
ثُمَّ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيِّمًا حَكِيمًا:  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتَهُ، يُصْلِّونَ عَلَى الْثَّنَيِّ يَتَائِيَهَا الْأَذْنِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمَ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ نَبِيِّ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابِتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعْهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرِمِكَ وَإِخْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.



Kita mungkin tidak mampu mengangkat senjata, tetapi kita masih mempunyai kekuatan daripada aspek kewangan. Infakkannya sebahagian rezeki untuk membantu mereka yang ketika ini berada dalam keadaan yang amat menyedihkan serta menjalani kehidupan yang sukar. Selain itu, gunakanlah senjata paling ampuh yakni DOA. Semoga Allah ﷺ menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khasnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah ﷺ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزْرَاءَنَا وَوُلَادَةَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفَقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزٌّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهَتَّدِينَ  
صَالِحِينَ مُضْلِحِينَ وَاسْمَلِ اللَّهَمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةُ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً  
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٦﴾

